

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN
PENGARAH DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
*MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI***

**SEMASA MAJLIS PELANCARAN
TATACARA BARU BAGI
MEMUDAHCARA MEMULAKAN PERNIAGAAN**

**PADA HARI SABTU,
12 JAMADILAWAL 1432
BERSAMAAN 16 APRIL 2011**

JAM 9.30 PAGI

**BERTEMPAT
INDERA KAYANGAN BALLROOM
THE EMPIRE HOTEL & COUNTRY CLUB
JERUDONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Majlis Pelancaran kerana mengaturkan Majlis ini.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana dapat melaksanakan satu lagi inisiatif memudahcara perkhidmatan yang berkaitan dengan memulakan perniagaan.

Ada tujuh jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berkenaan dengan inisiatif ini. Masing-masing telah mengubah tatacara kerja dengan tekad memudahcara perkhidmatannya. Saya sukacita mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah kerana telah mengambil inisiatif pada menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan Memudahkan Perniagaan (Ease of Doing Business) semasa Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-7 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari Selasa, 27 Rabiulawal 1432 bersamaan 1 Mac 2011.

Sesungguhnya inisiatif pembaikan memudahcara memulakan perniagaan ini adalah sebahagian daripada tema matlamat strategik jangka panjang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu "Meningkatkan Perkhidmatan

kepada Orang Ramai". Inisiatif ini juga sekaligus mendokong salah satu strategi nasional iaitu Strategi Pembangunan Institusi bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 yang diantara lain adalah meningkatkan efisien prosedur-prosedur Kerajaan dengan birokrasi yang minimum.

Saya gembira mengambil-maklum bahawa peningkatan perkhidmatan berkaitan dengan memulakan perniagaan ini ialah berkenaan dengan tatacara menerima dan memproses permohonan bagi Occupation Permit / Certificate of Fitness, Lesen Perniagaan dan Papan Tanda Perniagaan. Dengan tataranya yang dimudahkan, maka permohonan-permohonan bagi ketiga-tiga perkhidmatan tersebut pada masa ini dapat dipohonkan secara serentak. Tidak lagi memerlukan ketiga-tiga permohonan dan pemrosesan tersebut dibuat secara "sequential" atau satu demi satu.

Hasilnya ialah permohonan bagi mendapatkan lesen perniagaan baru yang sebelum ini memakan waktu sehingga tujuh (7) kepada sepuluh (10) hari waktu bekerja untuk diluluskan, Alhamdulillah telah dapat dikurangkan menjadi dari satu (1) hingga lima (5) hari waktu bekerja.

Itu bagi permohonan lesen baharu. Manakala bagi permohonan membaharui lesen, ketujuh-tujuh Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah sekarang ini dapat meluluskannya dalam tempoh di antara satu (1) hingga dua (2) hari waktu bekerja sahaja berbanding sebelum ini di antara satu (1) hingga lima (5) hari waktu bekerja.

Di samping perkhidmatan mengeluarkan lesen perniagaan dan membaharainya, Jabatan-Jabatan Bandaran juga telah dapat mengurangkan tempoh bagi pengeluaran Certificate of Fitness yang hanya melibatkan kerja-kerja ubahsuai / tambahan kecil (minor) atau yang tidak melibatkan struktur atau menambah / mengurangi keluasan, yang dikategorikan sebagai "**simplified approval**" tempohnya sekarang ialah lima (5) hari, tidak lagi sepuluh (10) hari waktu bekerja.

Demikianlah juga tempoh meluluskan Papan Tanda Perniagaan yang sebelum ini memakan masa di antara satu (1) sehingga tujuh (7) hari waktu bekerja telah dapat dikurangkan menjadi di antara satu (1) hingga dua (2) hari waktu bekerja sahaja.

Dengan kata lain, melalui peningkatan ini, perniagaan yang dikategorikan sebagai "simplified approval" akan dapat memulakan perniagaan pada hari ke-enam setelah permohonan dihadapkan ke Jabatan-Jabatan Bandaran berbanding dengan dua puluh (20) hari sebelum ini.

Sementara itu Jabatan-Jabatan Bandaran masih mengekalkan tempoh meluluskan 'Occupation Permit' selama sepuluh (10) hari waktu bekerja. Ini ialah kerana proses pengeluaran Occupation Permit adalah melibatkan pengumpulan ulasan-ulasan bagi aspek-aspek keselamatan (safety) dan teknikal dari agensi-agensi teknikal dalam Jawatankuasa Kawalan Pembangunan dan Perlesenan. Tempoh sepuluh (10) hari itu sebetulnya adalah tempoh yang sudah disingkatkan pada tahun 2008 yang mana sebelumnya adalah memakan waktu selama empat belas (14) hari.

Saya penuh percaya penambahbaikan ke atas tiga (3) komponen perkhidmatan dalam rangkaian perkhidmatan di bawah inisiatif Memudahkan Memulakan Perniagaan (Starting a Business) ini iaitu bagi Meluluskan Occupation Permit / Certificate of Fitness, Lesen Perniagaan Baru / Membaharui Lesen Perniagaan, dan Papan Tanda Perniagaan setentunya akan dapat memberikan manfaat kepada orang ramai dari segi penjimatan kos memulakan perniagaan.

Penjimatan kos memulakan perniagaan ini adalah melalui penjimatan masa, berkurangnya keperluan untuk berkunjung ke Jabatan-Jabatan Bandaran dan penjimatan perbelanjaan melalui kurangnya bayaran sewa yang perlu ditanggung oleh pemohon dalam menunggu kelulusan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan itu.

Walau bagaimanapun, komitmen agensi-agensi Kerajaan dalam memudahkan dalam rangka membantu dan mempermudah para peniaga di negara ini memulakan sesuatu perusahaan atau perniagaan itu, tidak akan mencapai hasil yang dihasratkan tanpa mengambil berat aspek yang fundamental yang berkaitan dengan ketulusan dan keikhlasan dalam kita mengendalikan urusan orang ramai. Dalam pada itu juga, kita jangan terlepas pandang terhadap perkara-perkara yang berhubung rapat dengan perkhidmatan memudahkan memulakan perniagaan itu sendiri.

Saya mengambil maklum bahawa Jabatan-Jabatan Bandaran bersama dengan Jawatankuasa Kawalan Pembangunan dan Perlesenan telah bersungguh-sungguh dalam usaha mereka mengatasi masalah ini

melalui inisiatif menambahbaik proses-proses pertimbangan di **Peringkat Pertama Bagi Meluluskan Lukisan Pelan yang melibatkan ahli-ahli jawatankuasa** dan di **Peringkat Kedua (Permohonan Rasmi) dalam memberi kebenaran di Jabatan-Jabatan Bandaran Bagi Melakukan Kerja-kerja Membangun dan / atau Mengubahsuai.**

Tempoh meluluskan permohonan bagi Lukisan Pelan Bangunan yang sebelum ini memakan masa yang agak lama, sekarang dapat dilakukan di peringkat Jawatankuasa dalam tempoh empat belas (14) hari waktu bekerja. Sementara, di peringkat Jabatan-Jabatan Bandaran, pengeluaran kebenaran membangun atau mengubahsuai dapat dilakukan dalam tempoh sepuluh (10) hari waktu bekerja.

Saya ingin mengingatkan yang Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (atau singkatnya TPOR) bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang saya nyatakan tadi itu, hanya akan berhasil menepati waktu sasarannya apabila permohonan-permohonan yang dihadapkan memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini, saya sukacita menyeru kepada pemohon-pemohon Lesen Perniagaan dan juga Arkitek selaku "Qualified Persons" yang bertanggungjawab menghadapkan permohonan bagi mendapatkan kelulusan / kebenaran Memajukan Tanah, Lukisan Pelan Bangunan dan "Occupation Permit" / "Certificate of Fitness" serta Agensi Pengiklanan bagi Papan Tanda Perniagaan bagi pihak pemohon-pemohon, supaya memastikan permohonan-permohonan yang dihadapkan adalah lengkap

dan memenuhi kehendak-kehendak dalam peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini di Jabatan-Jabatan berkenaan.

Kelalaian dalam memberikan maklumat yang lengkap dan memenuhi kehendak Jabatan-Jabatan berkenaan bukan saja akan menyebabkan sesuatu permohonan itu ditolak, malah akan memberikan gambaran-gambaran yang tidak betul tentang perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Kerajaan.

Adalah menjadi harapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan peningkatan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut ianya juga sekaligus dapat meningkatkan kedudukan indeks Negara Brunei Darussalam bagi Memulakan Perniagaan yang merupakan salah satu komponen di bawah "World Bank Ease of Doing Business Index" di mana bagi Memulakan Perniagaan kedudukan Negara Brunei Darussalam adalah di tangga 133 dari 183 ekonomi bagi tahun 2011 berbanding dengan 152 bagi tahun 2010.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan berkaitan dengan memulakan perniagaan. Pada masa ini ada satu projek iaitu projek flagship "Business Licensing System" yang sedang diungkayahkan bersama dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Insya Allah apabila projek berkenaan itu siap dan dimanfaatkan sepenuhnya ia akan lebih memudahkan urusan pihak-pihak Kerajaan dan kalangan-kalangan perniagaan.

Saya berharap supaya Jawatankuasa Pelancaran akan mengadakan beberapa jerayawara bagi tujuan memberigakan tatacara baru ini bagi makluman orang ramai dan mereka yang mempunyai kepentingan.

Semoga dengan jerayawara ini nanti, bukan sahaja pemohon-pemohon akan maklum tentang tatacara baru ini, malahan permohonan-permohonan yang akan dihadapkan adalah lengkap dan memenuhi kehendak Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah.

Akhirnya saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah kerana berjaya meningkatkan perkhidmatan yang berkaitan dengan memulakan perniagaan. Semoga inisiatif yang berkebakikan ini dilaksanakan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk bukan sahaja dihargai oleh sesama manusia bahkan juga akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal yang baik dan dikurniakan pahala yang setimpal dengannya. Ameen.

Sekian.

و بالله التوفيق و الهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan.
Khamis, 10 Jamadilawal 1432/14 April 2011.